

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 07.05.2025 MASA: 04.00PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PROGRAM PROJEK *CARETON* BERSAMA TETRA PAK
DAN NESTLÉ MILO UHT MALAYSIA BAGI KEMPEN
KUTIPAN KOTAK MINUMAN UNTUK DIKITAR
SEMULA DI PASARAYA AEON, BUKIT MERTAJAM**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**10 MEI 2025 (SABTU)
2.00 PETANG**

**PASARAYA AEON, BUKIT MERTAJAM
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat berhimpun pada petang yang penuh makna ini dalam **Program Projek Careton Bersama Tetra Pak Dan Nestlé Milo UHT Malaysia Bagi Kempen Kutipan Kotak Minuman Untuk Dikitar Semula Di Pasaraya AEON, Bukit Mertajam.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan yang setulusnya kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan komitmen dalam penganjuran program ini, terutamanya kepada Tetra Pak dan Nestlé Milo UHT Malaysia. Penglibatan strategik kedua-dua syarikat korporat ini dalam melaksanakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) melalui Projek *Careton* sememangnya wajar dipuji dan dicontohi oleh syarikat-syarikat lain.
3. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan Pasaraya AEON Bukit Mertajam atas kesudian menjadi tuan rumah bagi program yang berimpak ini.

4. Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah juga kepada seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) yang telah bertungkus-lumus menjayakan program ini serta kepada para hadirin yang hadir memberikan sokongan. Sesungguhnya, usaha berterusan dalam memupuk kesedaran masyarakat terhadap kepentingan amalan kitar semula amatlah signifikan dalam mendukung agenda kelestarian bandar.
5. Projek *Careton* ini bukan sekadar kempen kutipan kotak minuman, tetapi ia mencerminkan satu usaha kolektif untuk membentuk budaya baharu dalam pengurusan sisa. Pendidikan dan kesedaran yang diterapkan melalui pameran interaktif serta ganjaran yang disediakan kepada pengunjung yang mengambil bahagian, memperlihatkan pendekatan yang inovatif dan mesra masyarakat dalam memperkukuh amalan kitar semula.
6. Saya dimaklumkan bahawa seramai 200 pengunjung yang pertama membawa sekurang-kurangnya 20 unit pek kotak minuman untuk dikitar semula akan menerima ganjaran menarik seperti pek air kotak Milo UHT, kotak tisu dan juga bento box. Ini bukan sahaja mampu menggalakkan penyertaan orang ramai, malah secara tidak langsung dapat meningkatkan kadar pengumpulan bahan boleh kitar semula di kawasan ini.

7. Inisiatif menempatkan kotak khas pengumpulan kotak minuman di lokasi strategik seperti Pasaraya AEON ini juga merupakan langkah yang amat praktikal dan berkesan. Ia memberi kemudahan kepada masyarakat untuk melaksanakan kitar semula secara konsisten dalam kehidupan harian mereka.
8. MBSP sentiasa komited dalam melaksanakan dasar dan inisiatif pembangunan mampan selaras dengan *Sustainable Development Goals* (SDG). Usaha ini turut menyokong pelaksanaan Pelan Induk Hijau MBSP dan Dasar Seberang Perai Rendah Karbon.
9. Justeru, saya ingin menyeru kepada semua warga Seberang Perai agar mengambil peluang ini untuk bersama-sama memainkan peranan sebagai ejen perubahan dalam memelihara alam sekitar. Kecil atau besar, setiap tindakan yang kita ambil demi kelestarian bumi ini amat bermakna untuk generasi akan datang.
10. Akhir kata, saya berharap kerjasama pintar antara sektor awam dan swasta seperti ini akan terus diperkasa dan diperluas ke seluruh kawasan Seberang Perai. Semoga program seperti ini dapat dijadikan acara tahunan yang dinanti-nantikan oleh masyarakat.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.